



UKK/600-01/05 (65)

## SIARAN MEDIA

### MAJLIS PELANCARAN KATALOG SENI “A RETROSPECTIVE: CHEW TENG BENG — LIFE, ART AND WRITINGS”

**17 MEI 2024** – Soka Gakkai Malaysia (SGM) dengan kerjasama Balai Seni Negara dan Kedutaan Tinggi Australia di Malaysia hari ini mengadakan Majlis Pelancaran Katalog Seni **“A Retrospective: Chew Teng Beng — Life, Art and Writings”**. Majlis pelancaran ini disempurnakan oleh **PYT Danielle Heinecke, Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Malaysia**, bertempat di Balai Seni Negara.

Katalog seni ini mengisahkan tentang kerjaya cemerlang Dr. Chew Teng Beng sebagai seorang seniman yang banyak menyumbang kepada dunia seni melalui pelbagai medium termasuk cat air, lukisan minyak, cetakan dan seni abstrak. Katalog ini merangkumi karya-karya terpilih yang diambil sepanjang karier seninya selama tujuh dekad. Selain itu, katalog ini juga memuatkan penulisan mengenai kehidupan serta pencapaian beliau yang ditulis oleh penulis seni veteran yang berpengalaman iaitu Ooi Kok Chuen.

Menyingkap latar belakang Dr. Chew Teng Beng, beliau berusia 86 tahun dan dilahirkan di Terengganu pada tahun 1938. Beliau mendapat pengiktirafan antarabangsa kerana memperkenalkan kertas buatan tangan sebagai bentuk seni kontemporari pada penghujung tahun 1970-an. Oleh yang demikian, Kerajaan Australia pada ketika itu telah **mengiktiraf** beliau sebagai **inovator asal** dan pada tahun 1978, beliau menerima **Australian Government’s Cultural Award**. Ia sekaligus menjadikan beliau sebagai **penerima yang pertama dari Malaysia**.

Majlis pelancaran dihadiri oleh YBrs. Encik Michael Kok Fook On, Presiden SGM, YBrs. Encik Koh Sia Feai, Ketua Pengarah SGM, YBrs. Puan Rohana Mohd Yusof, Pengarah

Bahagian Media & Pembangunan Seni LPSVN, pegawai-pegawai Kedutaan Tinggi Australia di Malaysia dan LPSVN serta artis-artis tempatan.

Penerbitan katalog seni "**A Retrospective: Chew Teng Beng — Life, Art and Writings**" ini dilihat mampu untuk memberi inspirasi kepada komuniti seni tempatan dan antarabangsa seterusnya mengembangkan ekosistem seni di Malaysia. Untuk maklumat lanjut mengenai aktiviti dan pameran anjuran Balai Seni Negara, ikuti media sosial rasmi Balai Seni Negara atau layari laman sesawang, [www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my).

---

*Dikeluarkan:*

**Unit Komunikasi Korporat  
BALAI SENI NEGARA, MALAYSIA**

No. 2 Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak, 53200 Kuala Lumpur

Tel.: 03-40267000 Fax: 03-40244998

E: [ukk@artgallery.gov.my](mailto:ukk@artgallery.gov.my) W: [www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my)

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

**Balai Seni Negara:**

**Zuriyadi Sarpin**

T: +60 11 1005 5207

E: [zuriyadi@artgallery.gov.my](mailto:zuriyadi@artgallery.gov.my)

**Intan Syazwina Suhaimi**

T: +60 19 998 5884

E: [syazwina@artgallery.gov.my](mailto:syazwina@artgallery.gov.my)